

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 30 TAHUN 1975

PINDAAN TANGGAGAJI BAGI JAWATAN PENOLONG
JURURAWAT SEMENANJUNG MALAYSIA

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan bahawa mulai daripada 1hb Januari, 1975 tanggagaji jawatan Penolong Jururawat di Semenanjung Malaysia adalah dipinda seperti berikut:

<i>Jawatan</i>	<i>Tanggagaji Sekarang</i>	<i>Tanggagaji Baru</i>
Penolong Jururawat Tingkatan Biasa ...	\$180 × 10-190/220 × 10- 240/250 × 10-290 × 15- 350	\$215 × 15-350 × 25-425 (selepas latihan selama 2 tahun)
Tingkatan Khas ...	\$350 × 20-450	\$425 × 25-550

Sifir Pemindahan

2. Sifir Pemindahan adalah seperti di Lampiran "A" dan "A1".

Tarikh Kenaikan Gaji

3. Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah kecuali dalam keadaan di mana dua matagaji atas tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji atas tanggagaji baru. Dalam keadaan ini sila lihat rumusan di Lampiran "B" dan "B1".

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR

18hb November, 1975.